



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PENUH FASA 1
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(1 JUN – 14 JUN 2021)

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam sektor pembinaan adalah berdasarkan kepada SOP yang telah dilulus dan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga berdasarkan kepada kenyataan Media Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 30 Mei 2021.

SEKTOR PEMBINAAN

- 1. Adakah sektor pembinaan di bawah KPM tertakluk di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

YA, SEMUA aktiviti dan operasi sektor pembinaan di bawah KPM yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tertakluk kepada SOP PKP.

- 2. Adakah pembinaan sekolah dan institusi di bawah KPM termasuk di dalam Perkhidmatan kritikal?**

Pembinaan sekolah dan institusi di bawah KPM **TIDAK** termasuk di dalam Perkhidmatan Kritikal.

3. Adakah aktiviti pembinaan sekolah dan institusi boleh diteruskan?

Aktiviti pembinaan sekolah dan institusi **TIDAK boleh diteruskan** dalam tempoh PKP Penuh (Fasa 1).

4. Adakah pihak kontraktor boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan juga operasi pembinaan sekolah dan institusi bagi projek di bawah seliaan Bahagian Pembangunan KPM?

Kontraktor Utama bolehlah menghubungi Pengurus Projek masing-masing di Bahagian Pembangunan KPM untuk mengemukakan rayuan.

5. Setelah rayuan dipertimbangkan oleh KPM, adakah pihak kontraktor perlu mengemukakan permohonan kebenaran beroperasi melalui *Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0* yang diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa?

YA, pihak Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan bagi mendapat kelulusan kebenaran beroperasi melalui *Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0* yang diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada pautan notification.miti.gov.my bermula 01 Jun 2021.

6. Siapakah yang boleh memohon kepada MITI bagi melaksanakan operasi projek pembinaan KPM dalam tempoh PKP?

Kontraktor Utama perlu memohon bagi pihak perunding dan pembekal.

PERKARA YANG PERLU DIBERI PENEKANAN DAN DILAKSANAKAN PIHAK KONTRAKTOR SEKIRANYA TELAH MENDAPAT KEBENARAN BEROPERASI DARIPADA MITI

7. Adakah sebarang had waktu operasi yang dikenakan untuk kerja-kerja di tapak pembinaan?

Majikan perlu mematuhi peraturan waktu operasi yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan pembinaan tersebut.

8. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh kontraktor di tapak bina?

8.1. Kontraktor diminta menyediakan dan menyimpan dokumen berikut di tapak bina / premis untuk disemak oleh pihak yang diberi kuasa:

- a. Nama dan nilai projek
- b. Lokasi projek (koordinat GPS)
- c. Butiran pegawai yang dipertanggungjawabkan
 - i. Pengarah Syarikat yang dipertanggungjawabkan.
 - ii. Pegawai Penguasa Projek
 - iii. Ketua Penyelaras
 - iv. Pemilik atau Pengurus yang menguruskan penginapan pekerja atau penginapan pekerja berpusat atau *Centralized Labour Quarters* (CLQ) jika berkaitan
- d. Jadual Pelaksanaan Projek
- e. Bilangan dan senarai pekerja Kontraktor/ syarikat utama mengikut tred yang terlibat
- f. Bilangan dan senarai subkontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat (jika berkaitan)
- g. Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan (jika berkaitan)
- h. Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang akan digunakan (jika berkaitan)
- i. Senarai perunding dan pekerja yang terlibat (jika berkaitan)
- j. Maklumat penginapan pekerja atau penginapan pekerja berpusat atau CLQ (jika berkaitan)
- k. Rekod pergerakan pekerja dan saringan gejala/ kesihatan pekerja, kebersihan dan pengurusan tapak bina / premis
- l. Ikrar Akujanji CIDB.

9. Berapakah kapasiti pekerja bagi sesebuah tapak bina/ premis?

9.1. Bilangan pekerja di tapak bina / premis hendaklah mengikut SOP iaitu 60% untuk kerja-kerja kritikal sahaja daripada jumlah pekerja yang diisytiharkan dengan kepatuhan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Adalah digalakkan untuk:

- a) pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja

- secara “*sequence*” atau “*staggered*” dilaksanakan
- b) mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina / premis
 - c) mengadakan mesyuarat secara maya.

9.2 Bagi Perkhidmatan Profesional / Perunding yang berurusan di tapak bina **mestilah** pada bilangan yang **minima** dan diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas yang kritikal sahaja.

10. Adakah ujian calitan (swab test) COVID-19 diwajibkan untuk pekerja di tapak pembinaan?

10.1. **YA**, ujian calitan (swab test) COVID-19 **diwajibkan kepada semua pekerja (tempatan dan asing).**

10.2. **Pekerja yang menjalani kuarantin tidak dibenarkan datang bekerja seperti yang ditetapkan oleh KKM.**

11. Adakah kenderaan yang membawa pekerja ke tapak bina dibenarkan untuk beroperasi?

11.1. **YA, dibenarkan.** Kontraktor perlu menyediakan pengangkutan untuk pekerja binaan berdasarkan kapasiti kenderaan.

11.2. Kenderaan pekerja hendaklah menjalankan proses pembersihan dan nyahkuman setiap kali selepas digunakan dan direkod untuk tujuan pemeriksaan; dan terhad kepada pergerakan diantara penginapan pekerja atau CLQ dengan tapak bina sahaja.

12. Adakah pekerja binaan dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke satu tapak yang lain?

Semua pekerja binaan **tidak dibenarkan** berpindah dari satu tapak bina ke tapak bina yang lain.

13. Bagaimanakah pergerakan bahan binaan/ bekalan?

- 13.1. Pergerakan masuk bahan/ bekalan ke tapak bina/ premis hendaklah direkodkan.
- 13.2. Pemandu/ Pembawa bahan/ bekalan perlu diimbab suhu badan dan didaftar masuk samada melalui aplikasi MySejahtera atau menulis nama dan nombor telefon serta mematuhi SOP MKN.

14. Siapakah yang boleh dilantik bagi memastikan pematuhan SOP di tapak pembinaan sepanjang tempoh PKP?

- 14.1. Kontraktor boleh melantik seorang atau lebih penyelaras bagi membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tempat kerja. Penyelaras boleh terdiri daripada:
 - a) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (“SHO”); atau
 - b) Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (“OSH-C”); atau
 - c) Penyelia Tapak Bina (“SSS”); atau
 - d) Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau
 - e) Pemilik syarikat.
- 14.2. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kawalan pergerakan keluar dan masuk pekerja di tapak bina serta pematuhan SOP di tapak bina. Walau bagaimanapun, kontraktor perlu mengemukakan laporan pematuhan SOP seminggu sekali kepada SO melalui medium komunikasi yang bersesuaian.

15. Apakah tanggungjawab kontraktor dalam mencegah penularan COVID-19?

- 15.1. Mewujudkan Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara pengurusan kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19).
- 15.2. Menanggung kos pembersihan dan nyahkuman di tapak bina/ premis.

- 15.3. Menanggung kos dan menyediakan penginapan alternatif (sekiranya perlu) bagi tujuan kuarantin kontak rapat yang bekerja di tapak bina/ premis.
- 15.4. Memastikan Amalan 3 W (*Wash, Wear, Warn*) iaitu kerap mencuci tangan dengan sabun, memakai pelitup muka dan amaran untuk tidak bersalaman, menutup mulut ketika bersin/ batuk, melakukan disinfeksi dan mendapatkan rawatan ketika bergejala perlulah dilaksanakan.
- 15.5. Memastikan Amalan 3 C/S (*Crowded Places, Confined Space, Close Conversation*) iaitu mengelak dari tempat sesak, tertutup dan sempit, serta mengelak dari bersembang secara dekat perlulah dilaksanakan.

16. Apakah tanggungjawab kontraktor bagi penyediaan penginapan pekerja?

- 16.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan bilik pengasingan di penginapan pekerja untuk:
 - a) Pekerja yang telah disahkan positif;
 - b) Pekerja yang bergejala; dan
 - c) Pekerja baru.
- 16.2 Penginapan pekerja perlu dipastikan selamat dan bersih dan memastikan pergerakan pekerja di dalam kawasan penginapan pekerja dan keluar masuk adalah dihadkan. Penginapan yang disediakan perlu mematuhi peraturan-peraturan di dalam Akta 446.

17. Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap kontraktor yang tidak mematuhi SOP Sektor Pembinaan?

Kontraktor yang ingkar/ tidak mematuhi SOP Sektor Pembinaan boleh diambil tindakan kompaun, tutup tapak bina dan tindakan undang-undang oleh MKN yang boleh mengakibatkan pendaftaran kontraktor digantung atau dibatalkan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi SOP, SO berhak untuk mengarahkan arahan berhenti kerja.

18. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

- 18.1. Bagi sebarang pertanyaan lanjut secara umum, sila hubungi CIDB Careline iaitu 03-5567-3300.
- 18.2. Bagi perkara-perkara khusus berkaitan dengan pembinaan projek-projek KPM maka kontraktor boleh menghubungi Pengurus Projek masing-masing di Bahagian Pembangunan KPM.

Catatan Penting:

- 1) Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini
- 2) Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN, KKM dan KPM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

01 JUN 2021